



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 7 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	VETERINAR KEDAH SEDIA SOP UNTUK IBADAH KORBAN, UTARA, HAKAKAH-16 2. KENAIKAN HARGA TIDAK JEJAS KEUPAYAAN LAKSANA IBADAH KORBAN, LOKAL, HM-12 91 BABI HUTAN MATI AKIBAT JANGKITAN ASF, NEGARA, KOSMO-6 91 EKOR BABI LIAR MATI AKIBAT ASF, NEGERI,SH-26	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	FAMA PAHANG RECORDED SALES REVENUE OF RM15.7 MILLION, NEWS,TAMIL MALAR-6	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	NO CARTEL NO MIDDLEMAN, SAY FISHERMAN, NATION,THE STAR-13 MAKANAN CUKUP UNTUK JANGKA PANJANG, NASIONAL, SH-5 KETIADAAN SALIRAN HASIL PADI JEJAS 630 HEKTAR SAWAH, NASIONAL,BH-20 PENIAGA NAFI SOROK AYAM, DALAM NEGARA,UM-14 WHRE'S THE SURPLUS, MUKA DEPAN, THE SUN-1 DULU JURUTERBANG SEKARANG PENTERNAK AYAM, BISNES,SH-30 "KAMI RUGI RATUSAN RIBU RINGGIT" LOKAL,HM-24 GOVT MUST MOVE BEYOND SUBSIDIES, NATION, NST-4 EXTERNAL FACTORS BIGGEST THREAT TO INDUSTRY'S PROFITABILITY, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN-2 ISU BEKALAN MINYAK MASAK, AYAM, TELUR DIBENTANG ESOK, HM-ONLINE BINA GALERI TIDAK ANCAM Pendaratan PENYU, SH-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Veterinar Kedah sedia SOP untuk ibadah korban

ALOR SETAR: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Kedah telah menyediakan prosedur permohonan untuk pelaksanaan ibadah tersebut agar selaras dengan peruntukan undang-undang.

Menurut Exco Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Pertadangan dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India, Dato' Azman Nashrudin, undang-undang berkenaan adalah untuk memastikan ternakan yang disembelih sihat dan tidak berpenyakit.

"Hanya yang sihat sahaja boleh disembelih (korban) kerana untuk mengurangkan risiko berlakunya kejadian wabak penyakit ternakan setiap kali selepas musim perayaan.

"Kepada yang berhasrat untuk melaksanakan Ibadah korban tahun ini hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan," jelas beliau pada kenyataannya Isnin lalu.

Katanya lagi, permohonan pendaftaran

penyembelihan hendaklah dibuat di semua Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah yang berhampiran.

Kegagalan bertindak demikian ujar beliau merupakan satu kesalahan dibawah Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu Negeri Kedah (pindaan pertama 1990) dan boleh dikompaukan tidak melebihi RM300.00.

Tambahnya lagi, melakukan pemindahan ternakan (lembu, kerbau, kambing dan bebiri) tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada JPV atau Pihak Berkuasa Veterinar adalah satu kesalahan.

"Pemindahan ternakan sama ada lembu, kerbau, kambing ataupun bebiri tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan dibawah Akta Binatang 1953 (pindaan 2013).

"Mana-mana individu yang melanggar undang-undang terbabit boleh dikenakan denda tidak melebihi RM15,000," tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lunas itu lagi.



**Dato' Azman
Nashrudin**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

Kenaikan harga tidak jejas keupayaan laksana ibadah korban

Kuala Terengganu: Kenaikan harga ternakan tidak menjejaskan keupayaan masyarakat Islam untuk melakukan ibadah korban dan akikah pada sambutan Aidiladha Ahad ini.

Difahamkan, harga ditetapkan penternak untuk korban dan akikah antara RM750 serta RM900 bagi setiap bahagian.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri, Dr Anum Man berkata, jumlah permit sembelihan ternakan korban dan akikah dikeluarkan sehingga kelmarin ialah 3,143.

Daripada jumlah itu, katanya, 1,305 permit sembelihan dikeluarkan untuk di luar rumah sembelih membabitkan keseluruhan 2,980 ternakan.

"Ia membabitkan 2,823 lembu, 24 kerbau dan 133 kambing.

"JPV turut meluluskan

891 permit pemindahan ternakan membabitkan 1,945 lembu, 26 kerbau dan 19 kambing," katanya dihubungi semalam.

Dr Anum berkata, semua ternakan bakal disembelih untuk korban dan aqiqah sudah menjalani proses saringan kesihatan serta selamat dimakan.

Berkaitan jumlah permohonan untuk sembelihan ternakan korban dan aqiqah di rumah sembelih diselia JPV, Dr Anum berkata, 130 ternakan akan disembelih di Rumah Sembelih (RS) Kuala Terengganu, RS Kemaman (15) dan 18 di RS Dungun manakala tiada permohonan diterima di RS Besut.

"JPV masih membuka permohonan permit untuk melakukan penyembelihan ternakan sempena sambutan Aidiladha sehingga hari ini," katanya.

91 babi hutan mati akibat jangkitan ASF

KEMAMAN – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu mengesahkan pengesanan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) pada koloni babi hutan di kawasan hutan sekitar Air Putih, di sini sejak dua minggu lalu.

Pengarah JPV negeri, Dr. Anun Man berkata, sebanyak 91 ekor babi hutan mati, ekoran dijangkiti penyakit itu setakat Khamis lalu.

"Kita telah mengesan kematian beberapa ekor babi hutan di kawasan hutan yang jauh dari penempatan manusia itu sejak 20 Jun lalu.

"Keputusan terhadap sampel bangkai haiwan liar tersebut pada seminggu kemudian telah mengesahkan kematian itu disebabkan jangkitan ASF," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Dia berkata, siasatan awal percaya penularan penyakit tersebut disyaki berpunca dari

aliran air dan bawaan makanan daripada haiwan dari Taman Negara Jerantut, Pahang.

Sehubungan itu, beliau memberitahu, JPV dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) sedang membuat kawalan dan pemantauan di sekitar 10 kilometer dari lokasi penyakit tersebut dikesan.

"Ya bertujuan bagi mengesahkan penyakit tersebut daripada terus menular sekali gus membunuh lebih banyak lagi haiwan liar berkenaan.

"Babi hutan yang mati telah dilupuskan mengikut prosedur ditetapkan dengan menanam dan dilakukan proses nyah kuman," katanya.

Dalam perkembangan sama, tambah beliau, pihak JPV Terengganu turut melakukan pemantauan di kesemua daerah di negeri ini sebagai langkah awal pencegahan penularan tersebut.



PEGAWAI JPV Terengganu memeriksa bangkai babi hutan yang disyaki mati akibat penyakit ASF di Hutan Air Putih, Kemaman baru-baru ini.

91 ekor babi liar mati akibat ASF

Penularan penyakit dipercayai berpunca daripada bawaan air sungai dan binatang buas

Oleh **NORHASPIDA YATIM**
KEMAMAN

Sebanyak 91 ekor babi liar ditemui mati di kawasan hutan Air Putih, di sini sepanjang tempoh 10 hari bermula 20 Jun lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Anun Man berkata, kematian spesies babi liar itu didapati berpunca daripada jangkitan penyakit demam babi Afrika (ASF).

FOTO: IHSAN JPV TERENGGANU



Sampel babi liar yang mati di kawasan hutan Air Putih, Kemaman diambil bagi mengenal pasti punca kematian.

"Pihak veterinar telah mengambil sampel pada bangkai haiwan berkenaan pada 21 dan 22 Jun lalu dan keputusannya ujian sampel yang diketahui pada 27

Jun lalu menunjukkan kesemua haiwan itu dijangkiti ASF.

"Setakat ini sebanyak 91 ekor babi liar dikesan mati sehingga 30 Jun lalu," katanya ke-

tika dihubungi pada Rabu.

Jelasnya, kawasan terlibat telah dinyahkuman dan bangkai haiwan berkenaan telah ditanam mengikut prosedur bagi memastikan ia tidak merebak.

Tambahnya, JPV Terengganu bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) kini membuat pemantauan dan mengambil sampel pada jarak 10 kilometer dari lokasi penyakit itu dikesan bagi memastikan tidak berlaku penularan ke kawasan lain.

"Kita sedang berusaha untuk meluaskan lagi kawasan bagi mengambil sampel termasuk ke daerah-daerah lain di Terengganu bagi memastikan penyakit ini dapat dibendung dan tidak merebak," ujarnya.

Dr Anun berkata, penularan penyakit yang menyebabkan kematian 91 ekor babi liar itu dipercayai berpunca daripada bawaan air sungai dan binatang buas.

"Banyak faktor boleh menyebabkan penyakit ini berjangkit dan kita percaya kes yang berlaku di kawasan hutan Air Putih di Kemaman berpunca daripada aliran air sungai dan binatang buas.

"Di Terengganu tiada kawasan ternakan babi di ladang komersial. Jadi, kita percaya jangkitan ini mungkin menular daripada kes sama yang pernah berlaku di Taman Negara di Jerantut pada Mei lalu," jelasnya.

Menurutnya, secara normal penyakit itu tidak menjangkiti manusia dan ternakan lain namun ia perlu dikawal bagi mengelak ia menjangkiti lebih banyak babi yang menjadi sumber makanan binatang buas di dalam hutan.

"Penyakit ini lebih spesifik menyerang babi hutan (liar) dan babi ternakan yang mana ia boleh mengakibatkan kematian haiwan itu dalam tempoh yang singkat," katanya.



07 JUL, 2022

FAMA Pahang recorded sales revenue of RM15.7 million

Tamil Malar, Malaysia

Page 1 of 2

ஃபாமா பகாங் ரிம.15.7 மில்லியன் விற்பனையை பதிவு செய்தது

குவாந்தான், ஜூலை 7-
இந்த ஆண்டின் முதல் ஆறு மாதங்களில் மாநிலத்தில் உள்ள 24 உழவர் சந்தைகளில் பகாங் Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) ரிம.15.7 மில்லியனுக்கும் அதிகமான விற்பனையை பதிவு செய்துள்ளது.

பெக்கான், ஃபெல்டா சினி, பண்டார் ஜெங்கா, ஜெரண்டட் மற்றும் பெரா ஆகிய இடங்களில் 122 வர்த்தகர்களுடன் ஐந்து நிரந்தர உழவர் சந்தைகள் தினசரி இயங்கி வருவதாக பகாங் ஃபாமாவின் இயக்குநர் சைபுல் சத்ரி நேற்று ஓர் அறிக்கையில் தெரிவித்தார்.

வாரத்திற்கு ஒரு முறை செயல்படும் 19 உழவர் சந்தைகள் ரிம.10.8 மில்லியன் விற்பனையை ஈட்டியதாக அவர் மேலும் கூறினார்.

“பல்வேறு அன்றாடத் தேவைகளைப் பெறுவதற்காக உள்ளூர் மற்றும் வெளிநாட்டு வாடிக்கையாளர்களை மீண்டும் விவசாயிகள் சந்தைக்கு வரவழைக்கும் முயற்சியில் ஃபாமா பகாங் இறங்கியுள்ளது.

இதன் தொடர்பில் ஃபாமா பகாங் பல்வேறு நிகழ்ச்சிகளையும் திட்டங்களையும் வகுத்து வருகின்றது” என்று அவர் கூறினார்.

சைபுல் மேலும் கூறுகையில், குவாந்தான் மாநிலத்தில் உழவர்



சந்தைகளில் வணிகத்தை மேலும் மேம்படுத்தும் முயற்சியில் ஃபாமா பகாங் பல சந்தை உரிமையாளர்களுடனும் தனியார் நிறுவனங்களுடனும் நெருக்கமாக இணைந்து பணியாற்றி வருகின்றது.

ஆரம்பகட்டத்தில், மலாக்காவைச் சேர்ந்த தொழில்முனைவோருக்கு யுடிசி உழவர் சந்தையில் வணிகம் செய்ய வாய்ப்பு வழங்கப்பட்டது. இதன் மூலம், மாநிலத்தால் உற்பத்தி செய்யப்படும் பல்வேறு சிற்றுண்டி பொருட்கள் சந்தைப்படுத்தப்பட்டன.

ஒவ்வொரு வாரமும் செயல்படும் 19 உழவர் சந்தைகளில் வெளிநாட்டு தொழில் முனைவோர் வந்து வணிகம் செய்வதற்கான வாய்ப்புகளை ஃபாமா பகாங் தொடர்ந்து திறக்கும்” என்று அவர் மேலும் கூறினார்.



07 JUL, 2022

FAMA Pahang recorded sales revenue of RM15.7 million

Tamil Malar, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

ண்ண ண ஸை ண்ண வில லல்ல கூவாந்தான் , ஜூலை 7- இந்த ஆண்டின் முதல் உள்ள 24 உழவர் சந்தகைளில் பகாங் 8 எல (8) அதிகமான விற்பனையை பதிவு செய்துள்ளது. பக்கான் , ஃபெல்டா சினி, பண்டார் ஜெங்கா, ஜெரண்டட் 122 வர்த்தகர்களிடம் ஐந்து நிரந்தர உழவர் சந்தகைள் தினசரி இயங்கி வருவதாக பகாங் ஃபமாவின் இயக்குநர் சபைல் தரெவித்தார் . வாரத்திற்கு ஒருமுறை செயல்படும் 19 உழவர் சந்தகைள் ரிம.10.8 மில்லியன் விற்பனையை ஈட்டியதாக அவர் மலேம் .கூறினார் . பல் வறு அன்றாடத் தேவைகளைப் பெறுவதற்காக உள்ளூர் மற்றும் வளரிநாட்டு வாடிக்கையாளர்களிடமும் விவசாயிகள் .

No cartel nor middlemen, say fishermen

FISHERMEN in Terengganu have dispelled reports of a cartel selling fish to foreigners in the middle of the sea for higher profits, *Utusan Malaysia* reported.

Terengganu Fishermen Association (Penentu) chairman Mat Yassin Mohammed said fishermen bring all their catch back to the shore, adding that there was no trading in the middle of the sea.

"Penentu has not seen any such illegal activity taking place in this state," he said.

Utusan Malaysia reported that middlemen, who are monopolising

the sector, were selling their catch to foreign fishermen in such a manner.

This was confirmed by the Fisheries Development Authority of Malaysia.

However, Mat Yassin stressed that no one would dare to execute such illegal activities due to enforcement by the Malaysia Maritime Enforcement Agency, Fisheries Department and other agencies.

"If there is less supply of fish now, this happens seasonally due to factors such as the monsoon, uncertain weather and strong currents."

A fisherman, known only as Pak Usop, 74, maintained that he has not witnessed any such mid-sea trading in the past 40 years.

"Most of the fishermen here are traditional. There is no cartel nor illegal activity happening in the middle of the sea," he said.

> Singer Beby Acha, 31, has taken a jibe at those who were apparently aroused by the dance movements in dangdut songs.

"To me, it is up to the perception of the audience whether the *gelek* dance is arousing.

"Sometimes, people would say

that it is sensual even though we are not doing the *gelek* and we just wear normal clothes and merely stand up," *Harian Metro* quoted her as saying.

"It is all the person's perspective." Beby Acha or Nur Aishah Md Shari said even though the *gelek* is synonymous with dangdut singers, it did not mean they are trying to sexually arouse their audience.

"I don't *gelek* a lot on stage. I do a little dancing that is simple for the audience, nothing over the top. But there are people who claim it looks sensual."

Makanan cukup untuk jangka panjang

Inisiatif sinergi
memperkasakan sekuriti
makanan negara
disambut baik

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
SHAH ALAM

Scenario global pada masa kini dengan peningkatan harga input pertanian seperti harga jagung bijian dan baja, kenaikan kos logistik serta cuaca ekstrem boleh mengganggu kitaran pengeluaran makanan negara.

Mengambil kira kepentingan sekuriti makanan kepada negara dan cabaran di sepanjang rantaian bekalan makanan, kerajaan telah memulakan satu pelan jangka panjang untuk mengukuhkan sekuriti makanan dan menjamin kos sara hidup berada pada tahap bersesuaian.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberikan jaminan bahawa kerjasama padu merentasi kementerian, agensi berkaitan dan pemain industri sedang dilakukan.

la sekali gus menjamin kelangsungan bekalan makanan yang berterusan dalam apa jua keadaan bagi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang turut dihadiri oleh menteri-menteri yang berkaitan pada 28 Jun lalu, kerajaan negeri bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Sekuriti Makanan di peringkat negeri dan daerah.

Jelas Ismail, ia bagi memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang sinergi antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri telah bersetuju melaksanakan beberapa inisiatif, antaranya meningkatkan keluasan tanah milik negeri untuk aktiviti pertanian, memperkasakan pemberian tanah milik negeri kepada anak



Tanah-tanah pertanian milik kerajaan negeri bakal diusahakan bagi mengukuhkan sekuriti makanan dan menjamin kos sara hidup.



Sinergi memperkasakan sekuriti makanan negara dibangunkan untuk menjamin kelangsungan bekalan makanan yang berterusan.

syarikat kerajaan negeri berkaitan pertanian yang kemudiannya akan memajakkan tanah tersebut kepada usahawan tani untuk tempoh 30 tahun.

"Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah juga bertujuan memudah cara urusan membangunkan tanah pertanian milik persendirian yang tidak diusahakan serta menetapkan kadar caj abstraksi bagi sumber air tawar dan air masin yang lebih rendah untuk sektor agromakanan.

"Kerajaan Persekutuan pula bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan pengurangan atau pengecualian cukai terhadap industri agromakanan.

"Penyeragaman kos caj dan ti bagi pembangunan infrastruktur juga akan dibuat bagi menggalakkan pihak penyedia perkhidmatan meningkatkan pelaburan dalam penyediaan infrastruktur komunikasi secara menyeluruh di kawasan bandar dan luar bandar," katanya.

Cabaran besar

Penganalisis ekonomi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Normaz Wana Ismail berpandangan, cabaran terbesar bagi mana-mana negara adalah untuk memastikan kecukupan bekalan makanan bagi rakyat.

Menurutnya, sekuriti makanan merujuk kepada kedapatan makanan untuk semua rakyat pada setiap masa dan makanan yang diperolehi oleh rakyat bagi sesebuah negara juga mestilah mencukupi, berkhasiat, berkualiti dan selamat.

Oleh itu katanya, kerajaan pusat dan kerajaan negeri perlu mencari kaedah untuk memastikan usaha memperkasakan sekuriti bekalan makanan adalah agenda utama untuk Keluarga Malaysia.

"Apabila struktur ekonomi memberi tumpuan kepada sektor pengeluaran berbanding pertanian, negara kita mula meringkaskan import terutama ke atas barang-barang berasaskan makanan untuk rakyat mahupun sumber makanan haiwan.

"Alasan harga barang import adalah lebih murah sudah tidak lagi relevan terutama dengan perkembangan terkini iaitu konflik antara Rusia dan Ukraine yang memberi tekanan ke atas sumber makanan haiwan dan secara tidak langsung memberi tekanan ke atas rantaian makanan termasuk kenaikan harga telur dan ayam," jelasnya.

Beliau yang juga Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pendanaan, Jaringan Korporat dan Komuniti) Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, UPM turut memberi cadangan dalam usaha memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi.

Antara cadangannya, membangunkan tanah-tanah terbiar dan meneroka tanah wakaf bagi aktiviti pertanian dan penternakan demi memastikan kadar sara diri (SSR) terus meningkat dan negara tidak bergantung kepada sumber import sekiranya terus berdepan dengan kesukaran luar jangka.

Selain itu, memastikan usaha untuk makanan ruji dapat mencapai kadar sara diri 100 peratus, yang dianggap satu kejayaan besar kerana SSL mengukur kemampuan sesebuah negara menghasilkan makanan untuk rakyat.

"Kita perlu membangunkan industri makanan ternakan kerana kos untuk makanan ternakan mencecah 60 hingga 70 peratus daripada kos pengeluaran. Walaupun ada usaha kerajaan untuk membuat projek penanaman jagung secara besar-besaran, namun tumpuan utama adalah pembuatan makanan ternakan itu sendiri.

"Tumpuan juga perlu diberikan kepada pembiakan baka dan biji benih-benih tempatan yang berkualiti untuk jangka panjang, supaya kita tidak lagi perlu bergantung kepada negara luar pada masa akan datang.

"Koperasi juga perlu diperkasakan bagi menjadi perantara dengan pemegang taruh dan memantapkan aliran modal petani dan peladang," jelasnya.

REAKSI

“

Tanggungjawab untuk memperkasakan sekuriti bekalan makanan negara juga perlu disahut rakyat dengan mengambil peluang yang terbuka luas dalam bidang sektor pertanian.”



- Penolong Pegawai Tadbir,
Fatim Fakhriah Mohammad, 35.

“

Saya sangat bersetuju kerajaan mempertimbangkan cadangan pengurangan atau pengecualian cukai terhadap industri agromakanan.”



- Penjawat awam, Farah Najihah Salahuddin, 28.

“

Apa yang kerajaan sedang usahakan ini adalah satu tindakan dan usaha yang baik terutamanya apabila kerajaan meningkatkan keluasan tanah yang sesuai untuk aktiviti pertanian.”



- Pelajar, Puventhan Tangamani, 21.

“

Bagi saya Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 ini perlu dilaksanakan mengikut rancangan agar negara tidak berdepan dengan masalah bekalan makanan pada masa depan.”



- Mahasiswa Universiti Malaya, Keexuepin, 21.

“

Kerjasama erat antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri amat penting dalam memastikan sekuriti bekalan makanan negara berada dalam keadaan terbaik dan mencukupi.”



- Pelajar, Yuganeshwaran S.Dilhai Nathan, 21.

Ketiadaan saluran jejas hasil padi 630 hektar sawah

Lebih 300 petani
dakwa rugi
ratusan ribu
ringgit akibat
tanah kering

Oleh Syaherah Mustafa
bhnews@bh.com.my

Pasir Mas: Lebih 300 pesawah di Kampung Tok Uban, di sini mengalami masalah mendapat bekalan air dan kerugian ratusan ribu ringgit susulan sistem saluran air tidak sempurna untuk disalurkan ke sawah seluas 630 hektar.

Situasi berkenaan turut menyebabkan tanah sawah di sembilan unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) menjadi kering dan merekah selain pertumbuhan padi turut terbantut, sekali gus merosakkan kualiti tanaman yang dihasilkan di sawah berkenaan.

Pesawah mendakwa, mereka sudah beberapa kali mengadu berkaitan masalah terabit kepada pihak berkaitan, namun belum diambil sebarang tindakan.

Ia menyebabkan mereka hanya boleh menuai sekali setahun berbanding di tempat lain iaitu dua atau tiga kali setahun.

Pesawah, Nazri Mohd Ali, 50, berkata, sepatutnya masalah pengaliran air ke sawah di situ tidak berlaku kerana jarak punca air iaitu di Danau Tok Uban, sangat dekat dengan kawasan berkenaan.

"Pihak berkuasa hanya per-



Nazri (kiri) bersama pesawah menunjukkan tanah sawah yang menghadapi masalah sistem aliran air di Kampung Tok Uban, Pasir Mas.

lu turun padang sendiri untuk mengkaji cara penyelesaian serta melaksanakan pembinaan aliran air ke sawah agar masalah yang dihadapi pesawah selama lebih 50 tahun ini dapat diselesaikan dengan segera.

"Kami sekarang hanya mengharapkan sumber air hujan untuk mengusahakan padi. Justeru, hanya sekali setahun ia mendapatkan hasil dan boleh dituai. Jika kemarau berpanjangan, maka keadaan menjadi lebih sukar.

"Kebanyakan penduduk di sini mengharapkan hasil tanaman padi sebagai punca pendapatan utama. Jika keadaan ini berterusan, ia pasti meruntuhkan kami untuk mencari rezeki," katanya ditemui di kampung berkenaan kelmarin.

Tanah sawah yang terkesan dengan masalah pengaliran air berkenaan membabitkan PPK Tok Uban, Tok Dap Kecil, Tok Dap Besar, Kampung Gelam, Bechah Kidat, Kampung Nibong,

Gong Dayat, Binjai dan Kampung Kelar di sini.

Pesawah generasi ketiga, Radin Mohamad Hafiz, 25, mengakui dia antara anak muda yang berhasrat untuk terus memajukan sawah padi di kawasan berkenaan.

"Saya mohon kepada pihak berkaitan untuk mendengar luahan kami, seterusnya bertindak segera supaya pertanian padi di sini dapat terus berkembang.

"Saya mahu menyahut hasrat kerajaan supaya lebih ramai anak muda memajukan bidang pertanian. Jadi, bantulah saya untuk merealisasikan impian ini dengan hanya mengambil tindakan membina saluran air sebaiknya," katanya.

Sementara itu, Md Nasir Yakkub, 62, pula berharap agensi berkaitan dapat membantu menyelesaikan masalah terabit.

"Masalah ini sudah lama menjadi kekangan utama yang bagaikan tiada penghujung bagi pesawah di PPK ini," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	14



PENIAGA nafi mereka menyimpan bekalan ayam sebelum ini untuk manipulasi harga - UTUSAN/NORHAFIZAN ZULKIFLI

Peniaga nafi sorok ayam

KUANTAN: Peniaga ayam menafikan dakwaan kononnya terdapat kalangan peniaga sengaja menyimpan stok bekalan ayam untuk memanipulasi harga.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga Pasar Besar Kuantan, Azizah Omar, 34, berkata, bekalan tidak cukup sebelum ini kerana pembekal ayam mengeksportnya bagi menampung kos operasi.

“Selepas kerajaan menghentikan eksport, bekalan ayam di negara ini kembali pulih, justeru mencukupi untuk pembeli,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, tiada sebab untuk golongan peniaga dan pembekal menyimpan bekalan ayam kerana sebelum ini ia berkurangan ketika musim perayaan.

Katanya, ada suatu ketika selepas musim perayaan, harga ayam mencecah RM11 sekilo-

gram, lebih mahal daripada harga siling baharu yang ditetapkan.

“Tidak masuk akal jika dikatakan kami simpan bekalan sebelum ini dan keluarkan sekarang ketika harganya RM9.40 kerana ketika kekurangan bekalan harganya RM11,” katanya.

Ditanya tentang kenaikan harga ayam di pasaran kini, menurut Azizah, harga ditetapkan itu membantu peniaga kembali ‘bernafas’.

“Dengan harga RM9.40, dapatlah kami peniaga ‘bernafas’ semula,” katanya yang telah berniaga ayam sejak 2008.

Menurutnya, setakat ini dia tidak menerima sebarang rungutan daripada pelanggan tentang bekalan sebaliknya ada yang mengatakan saiz ayam besar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2022	THE SUN	MUKA DEPAN	1



BY SHIVANI SUPRAMANI
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Despite having an excess of six million tonnes of chicken, Malaysia continues to experience chicken shortages and price increases. Where have our chickens gone?

Malaysia Global Business Forum founding chairman Nordin Abdullah said according to government announcements, chicken self-sufficiency level (SSL) is at 105%.

"This is technically an oversupply. However, when factoring in exports, there may have been a differential that slips below 100% for domestic supply.

"Chicken remains an important (source of) protein in the context of the Malaysian diet. Managing the ceiling price is one of the mechanisms that the government uses to ensure its availability to all Malaysians," he told *theSun*.

On why prices remain high despite having a supply that exceeds consumer demand, he said from a strategic perspective, the additional supply should be utilised in downstream processing.

"This would ensure greater value-addition is taking place in Malaysia, through the increasing number of jobs and potential for increased exports to the region, especially Asean countries," he said.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ahmad Hamzah was

Where's the surplus?

► Malaysia has excess of six million tonnes chicken, yet shortages and price hikes still occur

previously reported as saying: "Based on the SSL for chicken, our supply surpassed the demand, at between 104% and 105%, and we were able to produce a total of 60 million metric tonnes of chicken annually when our demand was only 54 million tonnes."

Nordin added that a well-regulated industry built on sustainable business practices would attract additional investments.

"The global food security scenario will dictate that there is a need to further capitalise on the domestic poultry industry. Do we have a

business ecosystem that is ready for this change?"

"The business community at large is waiting to see the results of the investigation by the Malaysia Competition Commission."

Turn to page 2

INSIDE

page 2 Improve public transport with B40 in mind, says expert

page 3 SME drowning in woes

According to government announcements, Malaysia's self-sufficiency level for chicken is at 105%, which is technically an oversupply. - BERNAMAPIX

Dulu jurutera sekarang penternak ayam

PONTIAN- Seorang jurutera elektrik tidak menyangka kepulangan ke kampung halaman untuk menjaga ayah yang tidak sihat, dua tahun lalu mempunyai hikmah yang besar apabila mengubah perjalanannya.

Hafizul Alief Abu Bakar, 31 kini mampu tersenyum melihat ternakan lebih 2,000 ayam kampung kacuk dan organik yang diusahakan Kampung Parit Haji Salleh Sangliang Benut membuahakan hasil lumayan.

Katanya, untuk mencapai kejayaan pelbagai cabaran dan pengorbanan perlu dilakukan termasuk mendapatkan modal permulaan sebanyak RM25,000 hasil wang simpanan dan terpaksa mengagadai

barang kemas milik isteri, Siti Nur Shahira Shapri, 27

"Kebetulan di belakang rumah ada sebuah reban kosong selepas ayah, Abu Bakar Sahuni, 61, tidak lagi mengusahakan ternakan burung puyuh. Ayah beritahu jika reban diusahakan semula pasti mendatangkan hasil.

"Kebetulan ayah merupakan pesara vateriner, banyak ilmu tentang penternakan ayam kampung yang dikongsikannya. Saya turut bertemu dengan pemborong ayam kampung di Batu Pahat untuk mengetahui keadaan pasaran ayam kampung, ternyata permintaannya cukup tinggi di pasaran," ujarnya.

Dia terus mengorak langkah dengan memternak 2,000 ekor ayam kampung sebagai permulaan, namun diduga dengan kejadian banjir dan wabak yang menyebabkan ayam kampungnya mati hampir 900 ekor.

"Dugaan ini saya anggap sebagai cabaran untuk lebih mahir dalam bidang ternakan. Saya tidak boleh putus asa sebaliknya perlu cepat atasi masalah.

"Selepas enam bulan, akhirnya saya capai sasaran dan jualan ayam kampung sudah balik modal, malah barang kemas isteri sudah boleh ditebus," jelasnya.

Menurut Hafizul Alief, permintaan ayam kampung mengalami peningkatan mendadak sejak Ramadan lalu, selepas pengumuman beralih kepada ayam kampung berikutan kekurangan bekalan ayam standard di pasaran.

Menurutnya, peningkatan jualan sebanyak 100 peratus berbanding hanya 1,000 ekor sebelum ini menyebabkan dia mengambil langkah membina sebuah lagi reban bagi membolehkan lebih banyak ayam kampung diternak.

"Saya ada terima geran RM15,000 Disember tahun lalu dibawah Program Integrasi Ternakan Dalam Kelapa Sawit oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Geran ini akan digunakan untuk bina reban baharu dan rakan-rakan turut banyak membantu," katanya.



Hafizul Alief berbangga dengan hasil titik peluhnya mengusahakan ternakan ayam kampung.

'Kami rugi ratusan ribu ringgit'

Pesawah di Kampung Tok Uban mohon pembinaan segera sistem aliran air ke 630 hektar sawah

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

Pesir Mas

Pesawah di tempat lain boleh memuai padi antara dua hingga tiga kali setahun namun berbeza dengan lebih 300 pesawah di Kampung Tok Uban di sini, yang tidak mampu membuat demikian susulan tiada sistem aliran air yang lengkap untuk disalurkan ke sawah seluas kira-kira 630 hektar.

la bukan saja gagal memaksimumkan penggunaan sawah malah pesawah turut kerugian ratusan ribu ringgit susulan tanah sawah di sembilan unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kering dan merekah.

Pertumbuhan padi turut terbantu sekali gus merosakkan kualiti tanaman di sawah berkenaan.

Pesawah menadkwa, mereka sudah beberapa kali membuat aduan mengenai masalah terbabit kepada pihak berkaitan namun masih tiada tindakan diambil.

Pesawah, Nazri Mohd Ali, 50, berkata, ia menyebabkan mereka hanya boleh memuai sekali setahun berbanding di tempat lain iaitu dua atau tiga kali setahun.

Sepatutnya, masalah pengaliran air ke sawah di sini tidak berlaku kerana jarak



NAZRI (depan) bersama pesawah lain menunjukkan tanah sawah yang disuburkan mereka di Kampung Tok Uban yang tidak mempunyai sistem aliran air.

punca air iaitu di Danau Tok Uban, sangat dekat dengan kawasan ini.

"Pihak berkuasa hanya perlu turun padang sendiri untuk mengkaji cara penyelesaian serta melaksanakan pembinaan aliran air ke sawah agar masalah yang dihadapi pesawah selama lebih 50 tahun ini dapat diselesaikan.

"Pesawah kini mengharapkan sumber air bujan un-

ia pasti merumitkan kami untuk mencari rezeki," katanya.

Tanah sawah yang terke- san dengan masalah pengaliran air berkenaan mem- habitkan PPK Tok Uban, Tok Dap Kecil, Tok Dap Besar, Kampung Gelam, Bechah Kidai, Kampung Nibong, Gong Dayat, Binjai dan Kampung Kelar di sini.

Pesawah generasi ketiga, Radin Mohamad Hafiz, 25, mengakui dia antara anak

muda yang berhasrat untuk terus memajukan sawah pa- di di kawasan berkenaan.

"Saya mohon kepada pihak berkaitan untuk men- dengar luahan kami sete- rusnya bertindak segera supaya pertanian padi di sini dapat terus berkembang.

"Saya mahu menyabut hasrat kerajaan supaya lebih ramal anak muda memaju- kan bidang pertanian. Jadi, bantulah saya untuk merea-

alisasikan impian ini dengan hanya mengambil tindakan membina saliran air sebalik- nya," katanya.

Sementara itu, Md Nasir Yaakub, 62, pula berharap agensi berkaitan dapat membantu menyelesaikan masalah terbabit.

"Ini kerana, masalah ini sudah lama menjadi keka- ngan utama yang bakaikan tiada penghujung bagi pe- sawah di PPK ini," katanya.

NewStraitsTimes • THURSDAY, JULY 7, 2022

4

NEWS / Nation

RISING COST OF LIVING

GOVT MUST MOVE BEYOND SUBSIDIES

Providing a living wage is a better measure of quality of life compared with 'one-liner' solutions, say experts

TEH ATHIRA YUSOF
AND LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government has to move beyond its subsidy-based system and devise measures to provide a living wage if it intends to effectively address the rising cost of living issue in the long term.

The living wage system, say economists, should transcend mere definitions of below or above the poverty line, and delve deeper into what Malaysians need based on a wide range of factors.

Professor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali, who is the Malaysian Inclusive Development and Advancement Institute-Universiti Kebangsaan Malaysia director, defined a living wage as "a level of income that enables an individual, as well as his or her family to lead a comfortable life".

The government, he said, should set the living wage based where a person lived, irrespective of whether the household income was below or above the poverty line.

"According to the World Bank, Malaysia is a step away from becoming a high-income nation but we need to shift towards looking into the quality of living as reflected by the living wage. This is what the government must do and not just use one-liner solutions to assist the people."

Noor Azlan said the Finance Ministry must improve its strategy based on the data available from the Department of Statistics

Malaysia (DOSM) to target locations in need of improvement.

He said, for example, someone earning RM5,000 a month and living in Johor Baru, Johor, may incur more in terms of monthly expenses and needed special assistance compared with someone earning the same amount but was residing in Jerantut, Pahang.

Noor Azlan said while elevating people beyond the poverty line "sounds better" from an economic point of view, it did not necessarily mean that those who did not receive financial aid had a better quality of life.

"Currently, the B40 group earns an average of RM4,850 (and below) a month. This, however, isn't a decent enough wage if the person lives in the city since the majority of their income goes to daily expenses such as food and necessities.

"A person will need at least RM6,200 per month for a decent living. This will allow them to bring their families out to dinner and have enough left for leisure activities at the end of the month instead of living week to week."

While he commended the government's efforts in providing cash aid for the people to weather the economic situation, Noor Azlan, however, cautioned that the cash aid must reach the target groups that really needed the assistance.

"The government must find better ways to help single people secure a better income, not just with a RM50 cash aid. It must be effective and efficient in helping people and do it right."

"Post-Covid-19 pandemic, we have been spending a lot. I think the authorities are concerned about the country's limited fiscal space. This is something that needs to be deliberated on. I doubt that the government can sustain and continue to provide cash aid programmes as an immediate solution to mitigate this problem."

Noor Azlan also explained the difference between inflation and

cost of living to clear the confusion about the two elements.

"The (average) 2.8 per cent inflation rate as reported by Bank Negara Malaysia means a single number for the whole country. But there is a lot more, so imagine there are other components (under-inflation) such as food, transport, utilities and 15 other groupings of things."

Noor Azlan cited food as one of the inflation sub-categories was 5.1 per cent higher than the average inflation rate of 2.8 per cent.

He said DOSM's report showed that food alone had recorded an increase in prices.

"As such, 93 per cent of items in a food basket have reported a surge in prices."

"For the low-income group, 37 per cent of their expenditure is on food."

"What I am trying to clarify here in terms of inflation is that while some may say we don't have a problem, when you look closely, we are facing (several) issues."

Noor Azlan explained that cost of living involved incomes and prices.

"The increase in prices is tolerable if income increases at the same rate or better. However, we are facing a double-whammy here as the country is facing the effects of the post-Covid-19 pandemic with about 3.1 million people having experienced a drop in income."

Echoing Noor Azlan's view is UnIKL Business School Associate Professor Aimi Zulhazmi Rashid, who says a long-term economic plan is imperative.

Aimi Zulhazmi, however, conceded that it could not be done overnight. He said factors such as the presence of established car-

tels, which have dominated the supply chains for decades, could be among the biggest obstacles.

"With subsidies, the expenditure is expected to breach RM77 billion for 2022. A long-term strategy beyond mere subsidies and the abolishment of import permits must be developed and implemented progressively."

He suggested empowering government-linked companies and government-linked investment companies to create a better-controlled supply chain of food items.

"Malaysia's success in palm oil plantations and rubber plantations are well known globally. However, commercial plantations have dominated agricultural lands by a ratio of one to five compared with food plantations like rice, vegetables, spices."

Aimi Zulhazmi said Malaysia's inflation rate was measured by the change in the Consumer Price Index (CPI), which is the average rate of increase in the price of a basket of goods and services.

These, he said, were mostly exemplified by fuel and food items.

"On the other hand, cost of living refers to the amount of expenditure on goods and services incurred by households, including their financial obligations to maintain a certain standard of living, which differs according to household segments."

Aimi Zulhazmi said cost of living was also determined by household spending patterns and the prices of goods.

"Spending patterns differ across households as the patterns are primarily influenced by household income, demography, family structure and area of residence."

Economist Nungsari Ahmad Radhi said direct cash transfers could be effective in mitigating inflationary effects, especially on low-income households and vulnerable groups.

"The government's fiscal situation is very challenging and it doesn't have the resources to do that without radically changing the way the government manages fiscal policy."

"One painful thing that must be done is subsidy rationalisation, which the government is already initiating."

Nungsari said at least 40 per cent of the items in the CPI contained price-controlled goods.

"The government subsidises the cost of those items and controls their prices, therefore showing a moderate CPI or price increase than what it actually is."

"For example, cooking oil is a controlled item."

"There's a ceiling price and the government subsidises producers if costs go above the ceiling price. The inflation in CPI is almost fixed zero inflation."

"Now, all subsidies for cooking oil have been removed except for the 1kg oil packets. So the prices of all other cooking oil will be increased to match the market prices."

"How will the inflation for cooking oil be measured in CPI?"

"If cooking oil prices go up, everything related to it will go up too."

Nungsari said the people's purchasing power would decrease when their income did not rise as quickly as the cost of living.

The inflation rate, he said, was trending at 2.8 per cent in May from 2.3 per cent in April.

"However, this is due to the presence of subsidies and price control measures, which accounted for about 19 per cent of the total Cost Per Unit weightings."

"To some degree, the central bank would help to control inflation via monetary policy if demand-pull inflation becomes evident."

"So raising the overnight policy rate (OPR) is also part of ensuring that inflation remains under control."



Employee S. Sarmila, 23, arranging items on a rack at a supermarket in Sendayan recently. PIC BY AZRUL EDHAM



Professor Aimi Zulhazmi Rashid



Nungsari Ahmad Radhi



Professor Tan Sri Dr Noor Azlan Ghazali

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	2

'External factors biggest threat to industry's profitability'

"A key component of a sustainable business environment is a marketplace where companies can expect fair competition. The result of that investigation should ensure that this remains to be true," he said.

Asked what he believed was ailing the chicken industry at the moment and causing the rise in

prices, Nordin noted that data shows many companies are near profitability and on an industry basis, the gap is not insurmountable.

"Because this industry is defined by a ceiling price, companies that are innovative and able to manage costs will be the most successful. Having said that, external factors beyond the

control of the industry or the government will continue to be the biggest threat to profitability.

"The opportunity now is for Malaysia to innovate to the point where we can be self-sufficient in the value chain. This being chicken feed, it is most critical. For this, investment into research and development, and its related innovations need to be linked

with the base raw materials that are readily available in Malaysia."


Asked if one can assume that there is some kind of trade manipulation that is currently hampering this from happening, he said: "While the data we have is an important first step, a deeper analysis of the value chain is required to make informed policy, regulatory and business decisions."

From front page

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

ISU BEKALAN MINYAK MASAK, AYAM, TELUR DIBENTANG ESOK

BERNAMA



MUSTAPA (dua dari kanan) membancuh kopi pada Pelancaran Richiamo Ke-99. FOTO Bernama.

Putrajaya: Laporan terkini berhubung kedudukan bekalan minyak masak dalam paket satu kilogram, ayam dan telur dalam pasaran akan dibentangkan dalam mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi esok, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau yang menganggotai pasukan khas itu berkata, laporan berkenaan yang akan dibentangkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah penting kerana ia dibangkitkan rakyat khususnya berkaitan bekalan.

"Kita melawat ke kedai memang sesetengah kedai itu langsung tidak ada (bekalan minyak masak paket).

"Esok kita jangka akan terima laporan tentang kedudukan terkini, dan yang penting tindakan yang sudah diambil dan setakat mana ia berkesan untuk pastikan bekalan dan harga (tidak melebihi harga siling)," katanya kepada media selepas merasmikan cawangan Richiamo Coffee ke-99 dan kiosk pertama Richiamo Coffee di sini hari ini.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Jun lalu bersetuju menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang berperanan mengumpulkan semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi menyelesaikan isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan berkesan.

Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi itu dipengerusikan Menteri Komunikasi dan Multimedia Tan Sri Annuar Musa.

Ia dianggotai lima ahli iaitu Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Mustapa dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Dalam mesyuarat pertama pasukan itu pada 30 Jun, antara perkara yang dibangkitkan ialah kekurangan bekalan minyak masak paket satu kilogram dan isu orang tengah atau kewujudan kartel dalam menentukan harga barang keperluan di pasaran.

Richiamo Coffee adalah jenama tempatan yang memulakan operasinya sejak 2015 dan telah mempunyai 105 cawangan di seluruh Malaysia setakat ini.

Cawangan ke-99 di Menara Prisma itu dimiliki dan dikendalikan oleh Empire Coffee Works dan adalah cawangan keempat selepas Wisma Bernama (Kuala Lumpur), Universiti Malaysia Perlis dan Hospital UiTM Puncak Alam, Selangor.

Disiarkan pada: Julai 6, 2022 @ 10:09pm

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/7/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

BINA GALERI TIDAK ANCAM PENDARATAN PENYU

NOOR AINON MOHAMED | | 06 Julai 2022



Struktur bagi membina galeri di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Teluk Ketapang, Pangkor.
Gambar kecil: Razman

LUMUT - Pembangunan struktur yang didakwa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan mengancam tapak pendaratan penyu merupakan usaha menaik taraf Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Teluk Ketapang, Pangkor.

Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, sebuah galeri dibina sebagai pusat kesedaran dan pendidikan kepada orang ramai serta menjadi satu produk pelancongan di pulau bebas cukai itu.

"Bangunan tersebut masih dalam pembinaan sejak Mei lalu dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan bulan ini.

"Jabatan Perikanan Perak telah mengambil kira daripada semua aspek termasuk kesesuaian tapak, bangunan yang dibina bersama Jabatan Perikanan Malaysia bagi mendapatkan jenis struktur bangunan dan lokasi strategik," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini pada Rabu.

Menurutnya, kerja-kerja itu melibatkan kawasan seluas 65 meter persegi iaitu 0.16 peratus sahaja dari keseluruhan kawasan yang seluas 3.9 hektar

"Struktur yang dibina berbentuk bangunan tidak kekal dengan ketinggian satu meter dari paras tanah.

"Cahaya lampu yang digunakan juga adalah jenis lampu cahaya rendah dengan mengambil kira sensitiviti penyu," katanya.

Razman berkata, Jabatan Perikanan negeri telah memajukan permohonan kepada Majlis Perbandaran Manjung pada 22 April lalu bagi mendapatkan kelulusan merancang untuk pembinaan itu.

"Adalah menjadi tanggungjawab jabatan untuk menjaga kepentingan sumber perikanan, penyu dan mamalia marin selain menjaga kepentingan awam.

"Justeru itu, permohonan untuk merizabkan Teluk Ketapang sebagai tapak Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu dilakukan seterusnya mendapat nasihat dari Penagrah Tanah dan Galian Perak," katanya.

Tambahnya, beberapa program gotong-royong, aktiviti menanam pokok ambong-ambong dan pelepasan anak penyu telah dilakukan sebagai satu usaha konservasi dan pendidikan berbentuk kesedaran awam kepada masyarakat.